Proceeding 2nd ALAUDDIN INTERNATIONAL CONFERENCES, (2025) pp. 83-87
Jurnal Ushuluddin: Media Dialog Pemikiran Islam

Biografi Tokoh Sejarawan Kedah Dato' Dr. Haji Wan Shamsudin Mohd Yusof

[1]Haslinda Hasan; [2]Mohd. Yusfadzillah Mohd. Yusoff

Universiti Utara Malaysia[1,2]
Address: 06010 Sintok Kedah Darul Aman, Malaysia +604928 5707/+604928 5709

Corresponding author
haslynda@uum.edu.my[1]

Abstrak: Tokoh Dato' (Dr.) Haji Wan Shamsudin Mohd Yusof merupakan sejarawan Kedah yang banyak berjasa dalam mendokumentasikan segala pengkisahan sejarah zaman lampau dan kini serta menambahbaikan input-input dan data sejarah yang ditemui dari semasa ke semasa. Beliau aktif dalam menjalankan penyelidikan, penulisan dan penghasilan karya sejarah, bahasa, budaya dan pelbagai ilmu. Beliau dilahirkan pada 7 Jamadil Awal 1351 bersamaan dengan 18 September 1932 di Jalan Tupai, Taiping, Perak dan dibesarkan di Kedah. Ayahnya adalah berketurunan Jawa manakala ibunya pula bernama Wan Salmah binti Megat Shamsudin berketurunan Acheh tetapi dilahirkan di Perak. Kedua ibu bapanya melangsungkan perkahwinan pada tahun 1928. Beliau tidak dapat memastikan dengan tepat dan jelas bagaimana cerita sebenarnya kedatangan kedua ibu-bapanya dari Jawa dan Acheh ke Tanah Melayu. Beliau berasal dari keluarga besar di mana bapanya mempunyai lapan orang adik beradik dan ibunya pula terdiri dari lima orang adik beradik. Ketokohan beliau dalam penulisan adalah penyumbang terbesar dan konsisten terutama dalam bidang sejarah sejak 1956 sehingga sekarang. Ketokohan beliau yang telah diiktiraf oleh masyarakat dan kerajaan Malaysia dan antarabangsa. Hal ini menjadikan beliau lebih dekat dengan masyarakat setempat khususnya di negeri Kedah.

Kata Kunci: *Sejarawan, sejarah, Islam, patriotik dan pengiktirafan*

Pengenalan

Insan hebat iaitu Dato' (Dr.) Haji Wan Shamsudin Mohd Yusof telah dilahirkan pada 7 Jamadil Awal 1351 bersamaan dengan 18 September 1932 di Jalan Tupai, Taiping, Perak dan dibesarkan di Kedah. Beliau menjalani kehidupan dalam keluarga besar yang mempunyai 16 adik beradik. Beliau merupakan anak yang ke-5.Ayahnya bernama Mohd Yusof bin Abdul Ghaffar yang berasal dari Bagan Buaya (satu kawasan yang berdekatan dengan Butterworth pada hari ini).

Ayahnya adalah berketurunan Jawa manakala ibunya pula bernama Wan Salmah binti Megat Shamsudin berasal dari Acheh tetapi dilahirkan di Perak. Kedua ibu bapanya melangsungkan perkahwinan pada tahun 1928. Walaubagaimanapun semasa beliau belajar dalam darjah tiga, Sekolah Melayu Taiping ibunya telah meninggal dunia. Hal ini telah menyebabkan beliau diselubungi kesedihan yang amat sangat sehingga ia hampir mematahkan semangatnya untuk meneruskan persekolahan. Namun kesedihan beliau berakhir apabila mendapat keluarga angkat yang baharu, Selepas peristiwa itu, bapa saudaranya (abang Mohd Yusof) semasa itu bekerja di Pulau Pinangdan tidak mempunyai anak telah memujuk ayahnya untuk membawa beliau ke Kedah untuk dipelihara dan dijadikan anak angkat.Pada awalnya ayahnya agak keberatan, namun apabila memikirkan tentang keadaan semasa (kesedihan kerana kematian ibu) akhirnya ayahnya bersetuju kerana ayahnya percaya ianya salah satu cara untuk memulihkan semangat beliau kembali.

Sejak itu bermula kehidupan baharu beliau di Kedah, di mana beliau di bawa oleh keluarga angkatnyauntuk menetap didaerah Sik, Kedah.Namun begitu kegembiranya tidak kekal lama kerana, kerana ada muncul cabaran baharu yang terpaksa dihadapi beliau hadapi.Sejurus selepas itu tercetusnya Perang Dunia Kedua di mana Jepun telah datang ke Tanah Melayu dan mendarat di Pantai Singgora (hampir serentak dengan Kelantan di Pantai Sabak) dan dapat menawan Alor Setar pada 12 Disember 1941.

Pentadbiran Jepun telah berlangsung di daerah Sik, Kedah sama seperti di kawasan-kawasan lain yang telah diduduki oleh mereka. Di daerah Sik, Kedah pihak Jepun telah menjalankan pentadbirannya dengan menempatkan seramai 15 sehingga 20 pegawai pada satu-satu masa.

Pegawai-pegawai ini akan bertukar dalam tempoh tiga bulan sekali dengan aktiviti utama ketika itu ialah mengembangkan pembelajaran bahasa Jepun. Beliau menggambarkan kehidupan pada masa itu sangat sukar kerana semua perkara telah ditentukan dan diletakkan di bawah peraturan yang keras dan tegas oleh pegawai-pegawai dan tentera-tentera Jepun yang memerintah.



Figure 1 Dato' (Dr.) Haji Wan Shamsudin Mohd Yusof ketika ditemu bual pada Mei 2017

Sekitar 1943 – 1945 pentadbiran pihak Jepun di Tanah Melayu (khususnya di beberapa buah negeri) telah berakhir kerana pihak Jepun telah mengalami kekalahan dan terpaksa menyerahkan beberapa negeri Tanah Melayu seperti Kelantan, Terengganu dan Perlis termasuk Kedah kepada Siam. Ini adalah sebagai balasan kepada Siam kerana merintis jalan dan membenarkan kemasukan Jepun ke Tanah Melayu (Tengku Anuar Tengku Dalam, 1987).

Beliau telah menamatkan zaman bujangnya pada tahun 1955 dan bertemu jodoh dengan Latifah Bin Haji Hasan yang berasal dari Simpang Kuala, Kedah iaitu anak perempuan kepada Haji Hasan bin Taib (pegawai di Pejabat Tanah Desa dan beberapa pejabat lain). Beliau telah dikurniakan dengan 5 orang anak dan telah mengambil seorang anak angkat (perempuan) dari Pasir Mas, Kelantan iaitu anak abang ipar beliau.Hal ini menjadikan amalan pengambilan anak angkat diwarisi dari keluarga beliau kerana percaya ianya boleh mendatangkan kebaikan dan menghilangkan beban.

Anak-anak beliau ialah Wan Noor Ain (lulusan Universiti Teknologi Malaya kini menjawat jawatan Pengurus WNA Insurans), Wan Noor Hayati (lulusan Universiti Putra Malaysia, yang kini bertugas sebagai guru), Ahmad Nazri (Sekolah Rendah Iskandar, berniaga) , Wan Iskandar Zulkarnain (lulusan Louisiana State University, USA, dalam bidang senibina), Wan Siti Nurbaya lulusan Universiti Kebangsaan Malaysia, kini bertugas sebagai seorang akauntan dan Wan Muhammad Hamka (lulusan Wisconsin University, USA dalam bidang kejuruteraan elektrik (Haji Mansor bin Haji Din, 2017).

Beliau sekarang ini menetap di Alor Setar, Kedah dengan ditemani oleh isteri dan beberapa orang anak serta cucu tercinta. Kerana kekaguman beliau terhadap idea, ilmu, perjuangan, pemikiran dan sumbangan 'HAMKA' maka sebahagian penjuru dan sisi rumahnya telah dinamakan Teratak 'HAMKA' (beliau telah mengabadikan nama 'HAMKA' kepada salah seorang anak lelaki beliau).

Teratak 'HAMKA' ini telah direka khusus dengan ciri-ciri binaan Melayu lama dengan tujuan utamanya ialah untuk menempatkan beberapa koleksi peribadi beliau bermula dari awal penglibatan beliau dalam bidang penulisan sehingga kepada mempamerkan keratan akhbar, rekod, sijil, hadiah penganugerahan dan pengiktirafan tertinggi yang telah diberikan kepada kepada beliau.

Beberapa replika kapal menghiasi ruang-ruang tertentu menggambarkan jiwa seni beliau yang halus dan sangat berminat dengan laut.Teratak 'HAMKA' ini juga dibina dengan ruang anjung dibahagian hadapan seperti rumah Melayu lama yang dijadikan sebagai tempat untuk menerima tetamu yang ingin berurusan dengannya.Binaan dan hiasan teratak ini mampu menggamit sesiapa sahaja yang berkunjung ke rumah beliau yang beliau anggap sebagai pejabat keduanya.

Namun hasratnya tidak terlaksana apabila diberitahu oleh guru besar sekolahnya ada penawaran untuk kemasukan menjadi guru pelatih.Beliau telah memerima tawaran terbut dan setelah menjalani beberapa ujian pemilihan, beliau terpilih dalam kalangan 12 orang yang dipanggil temuduga yang mewakili Kedah dan 6 orang telah berjaya dalam temuduga tersebut. Beliau telah diuji dengan ujian tulisan jawi, rumi,cara memegang buku, cara berpakaian, gaya berjalan dan sebagainya. Pada peringkatawalnya beliau ditempatkan di Sekolah Melayu Kuala Kupang, Baling sebagai penempatan untuk memenuhi syarat lulus persediaan mengajar sebagai guru terlatih dan jika berjaya pengajian akan bersambung ke Pusat Perguruan Sultan Idris (sekarang UPSI).

Pada tahun 1949 sehingga tahun 1951, dengan kecekalan dan kegigihan tinggi, beliauberjaya melanjutkan pelajaran ke Pusat Perguruan Sultan Idris, Tanjung Malim Perak (UPSI). Kehidupan sebagai seorang guru pelatih di sini merupakan titik permulaan penglibatan beliau dalam menyemai semangat patriotik menentang penjajah, di mana beliau terpengaruh dengan idea yang di bawa oleh Tun Ghaffar Baba (ketua pelajar pada masa itu) melalui pidatonya yang penuh semangat yang sentiasa diutarakan semasa waktu makan tengahari. Hal ini secara tidak langsung telah meyakinkan beliau untuk menyertai

kumpulan ini.

Semasa tahun ke-2 pengajian, beliau telah menjalani latihanperguruan di SK Tanjung Malim, dekat Behrang, Selangor di bawah seliaan dua orang pegawai Inggeris dengan bayaran gaji berjumlah RM15.00 sebulan. Layanan yang diberikan oleh pegawai tersebut kepada guru praktikal adalah sangat tidak memuaskan dengan menugaskan kerja yang banyak dan kualiti makanan yang rendah.Hal ini mendatangkan ketidakpuasan hati ramai guru praktikal sehinggakan ada yang mula memprotes.

Klimak kepada ketidakpuasan hati dalam kalangan guru praktikal ini menyebabkan ada di antara mereka yang melancarkan mogok dan tidak masuk ke kelas sebagai tanda protes termasuk Tun Ghaffar Baba (pengajian tahun ke-3 pada masa itu).Akibatnya mereka yang terlibat dengan protes tersebut telah diambil tindakan tegas dan dihantar balik ke Kedah.Dato Onn Jaafar (Menteri Besar Johor) telah dilantik untuk menyiasat dan menangani kes ini dengan bantuan seorang pegawai Inggeris bernama John.Akhirnya kes ini berjaya diselesaikan dengan jayanya dan sejakperistiwa itu para pelatih telah mula mendapat layanan yang baik dari pihak Inggeris (Temu bual dengan Dato' Dr Haji Wan Shamsuddin pada 7.5.2017).

Sejurus selepas itu, beliau menyambung pendidikan beliau secara biaya persendirian dan sambilan di UMNO Express English School, Alor Star, Kedah pada tahun 1952 sehingga tahun 1955. Sekolah inimenumpang Sekolah Rendah Iskandar pada awalnya (namaIskandar diambil bersempena nama datuk Tun Dr Mahathir Mohamad).

Tidak terhenti di situ, beliau meneruskan lagi pengajiannya ke Maktab Perguruan Bahasa di Kuala Lumpur (sekarang Institut Pendidikan Guru Kampus Bahasa Melayu) pada tahun 1960 di mana beliau merupakan kumpulan ke-4 yang mendapat latihan di situ (Tan Sri Profesor Emeritus Dr. Awang Had Salleh kumpulan pertama). Beliau menerima tawaran mengajar Bahasa Melayu kepada sekolah-sekolah bukan Melayu dan pernah di tempatkan di Johor.Beliau menggambarkan pengajian di sini amat sukar dengan kurikulum yang terperinci termasuk diajar tentang kebudayaan Melayu.Di antara guru beliau pada masa itu ialah Kala Dewata (Dato' Dr Mustapha Kamil bin Yassin).

Pada tahun 1970, dalam usia yang menjangkau 40 tahun, beliau dengan penuh iltizam,telah menyambung pengajiannya ke Universiti Malaya sehingga tahun 1973. Beliau sempat belajar bersama-sama dengan Tun Abdul Rahman bin Abbas (Gabenor @ Yang di Pertua Pulau Pinang) dan dengan tokoh sejarah terkenal Datuk Dr. Abdullah Zakaria bin Ghazali. Beliau memperolehi Ijazah Sarjana Muda dengan kepujian dalam bidang pengajian Melayu dari Universiti Malaya.

Beliau juga memaklumkan telah wujud budaya buli di Universiti Malaya pada masa itu, tetapi beliau dan beberapa kawannya tidak dilibatkan, kerana sedikit kelebihan yang ada pada beliau dan rakan-rakannya iaitu pernah berkhidmat sebagai guru dalam tempoh yang lama dan secara kebetulan ramai anak murid beliau ada belajar bersama-sama di Universiti Malaya pada masa itu.Hal ini telah mewujudkan perasaan hormat senior-senior kepada beliau dan rakan-rakannya yang menyebabkan mereka terhindar dari perlakuan buli.

Dalam usia 86 tahun, beliau kini kekal teguh melibatkan diri dan menerajui Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah (PSMCK) serta menjadi penggerak utama persatuan dalam melaksanakan beberapa aktiviti seperti penyelidikan, penulisan, pemuliharaan, lawatan ke luar negara (LASBELA), penerbitan artikel dan makalah serta menjadi penyumbang yang aktif di dalam kertas kerja di dalam seminar, bual bicara, forum, wacana dan seumpamanya.

Pengiktirafan dan Penghargaan

Ketokohan beliau dalam bidang sejarah, sastera, budaya dan pendidikan membolehkan beliau menerima beberapa pengiktirafan dan penganugerahan serta beberapa pencapaiansebagai menghargai sumbangan dan jasa bakti beliau.Di antara pengiktirafan yang beliau perolehi ialah anugerah pingat dan darjah kebesaranoleh kerajaan, iaitu Ahli Mangku Negara (A.M.N) pada tahun 1983, Bintang Perkhidmatan Cemerlang Kedah (B.C.K) pada tahun 1985, Anugerah Perkhidmatan Cemerlang pada tahun 1987, Bintang Setia Sultan Abdul Halim Mua'dzam Shah (B.M.S) pada tahun 1990dan Dato' Seri Setia DiRaja Kedah (DSDK) pada tahun 1999.

Seterusnya penghargaan dan pengiktirafan lain yang beliau perolehi ialah Anugerah Karyawan Dedikasi Warta Darulaman pada tahun 1991 dan 1992 (http://www.mykedah2.com/20hall_fame/202_6_02.htm diakses pada 25 Oktober 2020), Tokoh Guru Negeri Kedah pada tahun 1993, Tokoh Guru Kebangsaan pada tahun 1994, Tokoh Sejarah Negeri Kedah pada tahun 1999, Tokoh Guru Suluh Budiman Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim pada tahun 2003, Tokoh Sejarawan Gemilang Kedah oleh Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah pada tahun 2006 sempena sambutan Jubli Emas PSMCK dan Tokoh Pemuziuman Negara Malaysia oleh Muzium Negara pada tahun 2007,

Pengiktirafan terkini yang beliau perolehi ialah Ijazah Kehormat Doktor Falsafah (Sejarah) (Phd) dari Universiti Utara Malaysia sempena Majlis Konvokesyen ke-21 Universiti Utara Malaysia (UUM) yang disampaikan oleh Almarhum Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Haji Abdul Halim Mua'adzam Shah pada 18 Oktober

2008.Beliau juga diiktiraf sebagai Tokoh Maal Hijrah Negeri Kedah 1431 H pada 18 Disember 2010, Tokoh Budaya Kedah 2010 pada tahun 2011 dan yang terakhir sekali ialah pengiktifaran sebagai Felo Persatuan Sejarah Malaysia (PSM) pada 25 Februari 2012 di Kuala Lumpur.

Kesimpulan

Berlandaskan sumbangan besar yang telah diberikan oleh Dato' (Dr.) Haji Wan Shamsudin Mohd Yusof dalam pelbagai bidang khususnya sejarah, pendidikan, bahasa dan budaya, jelas memperlihatkan bahawa beliau merupakan tokoh ilmuwan yang memiliki komitmen tinggi terhadap pembinaan peradaban ilmu di Malaysia. Ketekunan beliau dalam melakukan penyelidikan, pengumpulan data sejarah, pendokumentasian bahan-bahan penting serta usaha gigih memelihara warisan sejarah negeri Kedah dan negara telah menjadikan beliau sebagai figura yang bukan sahaja disegani oleh komuniti akademik, tetapi juga dihormati masyarakat umum. Keupayaannya mengimbangi peranan sebagai pendidik, penulis, pengkaji dan aktivis sejarah membuktikan ketokohan beliau sebagai tokoh rujukan yang berwibawa.

Selain itu, kejayaan beliau menempuh pelbagai cabaran kehidupan sejak usia muda sehingga mencapai kedudukan sebagai tokoh sejarah tersohor menggambarkan ketabahan, kecekalan dan kekuatan semangat yang luar biasa. Segala pengalaman hidup yang pernah dilaluinya, termasuk melalui zaman penjajahan Jepun, kesusahan hidup, perjuangan dalam pendidikan serta penglibatan aktif dalam dunia keilmuan telah membentuk jati diri beliau sebagai seorang tokoh yang sangat berdisiplin, patriotik dan mencintai tanah air. Justeru, pengalaman panjang beliau dalam mengharungi pelbagai fasa sejarah negara telah memberikan nilai tambah kepada kewibawaannya sebagai sejarawan yang kaya dengan perspektif, pemikiran dan kebijaksanaan.

Pengiktirafan dan penganugerahan yang diterima oleh beliau daripada pelbagai pihak sama ada di peringkat negeri, kebangsaan mahupun antarabangsa membuktikan bahawa sumbangan beliau bukanlah bersifat kecil atau terpinggir, sebaliknya amat signifikan dalam perkembangan historiografi Malaysia. Darjah kebesaran, anugerah tokoh, penghargaan akademik serta pelbagai bentuk pengiktirafan lain menunjukkan pengiktirafan institusi dan masyarakat terhadap jasa bakti beliau yang konsisten dan berterusan. Hal ini turut mencerminkan kepercayaan serta penghormatan tinggi terhadap peranan beliau sebagai pemangkin kecintaan masyarakat khususnya generasi muda terhadap sejarah dan warisan bangsa.

Kehadiran tokoh seperti Dato' (Dr.) Haji Wan Shamsudin Mohd Yusof merupakan anugerah besar kepada negeri Kedah dan negara. Sumbangan, pemikiran dan dedikasi beliau dalam memartabatkan sejarah bukan sahaja memperkayakan khazanah ilmu, tetapi juga membina kesedaran pentingnya memahami sejarah sebagai asas pembentukan jati diri dan perpaduan bangsa. Pesanan beliau agar generasi muda tidak lalai, sentiasa menuntut ilmu dan menghargai sejarah seharusnya dijadikan panduan dan inspirasi. Dengan itu, perjuangan dan legasi beliau wajar dihargai serta diteruskan agar warisan ilmu dan sejarah terus terpelihara untuk generasi akan datang.

Rujukan

Abdullah Zakaria Ghazali. 2005. Sejarah Malaysia Kontemporari. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abdul Rahman Ismail. 2010. Warisan dan Sejarah Kedah. Alor Setar: Lembaga Muzium Negeri Kedah.

Awang Had Salleh. 1997. Pendidikan dan Kebudayaan Melayu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Hamka. 1982. Falsafah Hidup. Jakarta: Bulan Bintang.

Haji Mansor bin Haji Din. 2017. Artikel Biodata Wan Shamsudin bin Mohd. Yusof 1932–2017. Alor Setar: Kedah.

Hall of Fame Kedah. 2017. Dicapai dari http://www.mykedah2.com/20hall_fame/202_6_02.htm pada 25 Oktober 2017.

Jabatan Perdana Menteri Malaysia. 1999. Senarai Penerima Darjah Kebesaran dan Pingat Negeri Kedah. Putrajaya: JPM.

Mohd. Yusoff Hashim. 1992. Kesultanan Melayu Kedah: Suatu Sorotan Sejarah. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Muzium Negara Malaysia. 2007. Tokoh Pemuziuman Negara. Kuala Lumpur: Jabatan Muzium Malaysia.

Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah. 2006. Tokoh Sejarawan Gemilang Kedah: Sempena Jubli Emas PSMCK. Alor Setar: PSMCK.

Persatuan Sejarah Malaysia. 2012. Anugerah Felo Persatuan Sejarah Malaysia. Kuala Lumpur: PSM.

Tengku Anuar Tengku Dalam. 1987. Pengetahuan Kenegaraan Malaysia. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.

Temu bual bersama Dato' Dr. Haji Wan Shamsuddin di Teratak HAMKA, Alor Setar pada 7 Mei 2017.

Universiti Pendidikan Sultan Idris. 2003. Tokoh Guru

Suluh Budiman: Penghargaan kepada Dato' Wan Shamsudin Mohd. Yusof. Tanjung Malim: UPSI.

Universiti Utara Malaysia. 2008. Konvokesyen ke-21: Penganugerahan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah (Sejarah) kepada Dato' Dr. Wan Shamsudin Mohd. Yusof. Sintok: UUM Press.